

18 JUL 1997

Anwar-Kemboja

HUN SEN JAMIN PELABURAN MALAYSIA DI KEMBOJA SELAMAT, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Malaysia telah mendapat jaminan daripada kerajaan Kemboja bahawa pelaburan Malaysia di negara yang sedang menghadapi krisis dalaman itu adalah selamat.

Pemangku Perdana Menteri berkata jaminan yang diberikan itu cukup meyakinkan.

"Jaminan itu termasuk dalam surat yang diutuskan oleh Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika merasmikan upacara memecah tanah bangunan ibu pejabat korporat FACB Berhad yang berharga RM500 juta di sini.

Sehubungan itu, katanya FACB yang menunjukkan minat untuk melabur di Kemboja tidak harus bimbang kerana jaminan kerajaan negara Indo-China itu meyakinkan.

"Oleh itu saya tidak nampak sebarang masalah dalam masa terdekat ini dan jangka panjang bagi pelaburan kita di Kemboja," katanya.

Anwar berkata beliau membuat kenyataan itu berdasarkan maklumat dan fakta daripada kerajaan masing-masing dan bukannya berdasarkan analisis pakar-pakar ekonomi.

Malaysia merupakan pelabur asing terbesar di Kemboja dengan pelbagai projek yang bernilai kira-kira RM3 bilion.

"Pimpinan Kemboja telah memberikan jaminan yang tegas yang ia akan terus menyokong pelaburan asing," katanya.

Terdapat kebimbangan mengenai pelaburan di Kemboja sejak berlakunya pergolakan di negara itu Kemboha selepas Hun Sen menyingkirkan Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh awal bulan ini. -- BERNAMA